

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG
(BAGAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2015

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dibelanjakan oleh Bank Negara untuk mempertahankan nilai mata wang ringgit. Adakah ini sebab jumlah Simpanan Asing Negara (nyatakan jumlah) telah turun dan apakah 'threshold' yang ditetapkan untuk nilai ringgit. Adakah kadar nilai akan dibekukan seperti 1998 sekiranya nilai ringgit terus turun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyusutan kadar pertukaran

nilai ringgit sejak September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain, termasuk ringgit Malaysia turut mengalami penyusutan nilai antara 1% sehingga 11.2% berbanding dolar AS sejak September 2014 hingga 13 Mei 2015. Pengukuhan dolar AS adalah disebabkan oleh prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Berdasarkan perkembangan terkini, prestasi mata wang ringgit telah semakin pulih dan lebih stabil. Malahan, ringgit merupakan antara mata wang yang telah mencatatkan prestasi terbaik berbanding mata wang serantau sejak April 2015. Ringgit menambah nilai sebanyak 3.1% berbanding dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding semua mata wang serantau antara 0% sehingga 6.8%. Penambahan nilai ringgit adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga minyak mentah global. Nilai ringgit juga turut meningkat disebabkan oleh penyusutan nilai dolar AS berikutan jangkaan pasaran terhadap penangguhan US Federal

Reserve (Fed), dengan izin, untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dari sudut ekonomi pula, asas-asas ekonomi dalam negeri masih berada dalam keadaan yang mapan. Dalam tempoh suku pertama 2015, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sebanyak 5.6% terutamanya disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang rancak. Perkembangan ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Tambahan pula, asas-asas ekonomi yang mapan seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan rizab antarabangsa yang tinggi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Rizab antarabangsa Malaysia juga turut meningkat pada April 2015 berikutan sentimen pelabur yang bertambah baik. Pada 30 April 2015, rizab antarabangsa berjumlah dolar AS105.8 bilion (RM392.4 bilion) berbanding dolar AS105.1 bilion (RM389.7 bilion) pada akhir Mac 2015.

4. Berhubung dengan persoalan berkenaan rejim tambatan ringgit, walaupun ringgit telah menyusut nilai, Kerajaan tidak bercadang untuk kembali melaksanakan dasar yang sama seperti krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998, memandangkan keadaan Malaysia pada ketika itu adalah amat berbeza jika dibanding dengan sekarang. Keadaan semasa adalah didorong oleh perkembangan global sepertimana yang juga dialami oleh negara-negara serantau.

5. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi. Usaha-usaha yang dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga

tempat untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.

Sekian, terima kasih.